

**TEKS UCAPAN Y.BHG NAIB CANSOLOR  
MAJLIS KHATAM AL QURAN BERSEMPENA IHYA' RAMADHAN  
1434 H / 2013 M  
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS**

**DIBACAKAN YANG BERBAHAGIA DATO' PROF. DR. ZUL AZHAR  
BIN ZAHID JAMAL,**

**TIMBALAN NAIB CANSOLOR AKADEMIK & ANTARABANGSA**

**SALUTASI**

Yang Berbahagia Prof Madya Dr. Fo'ad Sakdan  
Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar & Alumni

Yang Berusaha En.Zuber Bin Haji Mohamad,  
Pemangku Pendaftar UniMAP

Yang Berusaha Pn. Saodah Hassan  
Bendahari UniMAP

Yang Berusaha Pn. Mazmin Mat Akhir  
Pustakawan

Yang Berbahagia, Ustaz Md. Ghazali Ibrahim

Yang Berusaha Ustaz Hassan Arshad,  
Pengarah Pusat Islam UniMAP,

Yang Berusaha Penolong-penolong Naib Canselor,

Dekan-dekan, ketua-ketua jabatan,

Seterusnya anak-anak para pelajar dan kakitangan UniMAP  
yang dirahmati Allah SWT sekalian.

## **KATA-KATA ALUAN**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

الحمد لله رب العلمين، وبه نستعين، على أمور الدنيا والدين،  
والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين، وعلى آله  
وأصحابه أجمعين،  
لاحول ولا قوة الا بالله العلي العظيم.

1. Bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah dan izinNya dapat kita bersama-sama di petang yang berbahagia ini bagi menjayakan Majlis Khatam Al Quran bersempena Ihya' Ramadan Peringkat Universiti bagi tahun 1434H/2013M. Selawat dan salam kepada junjungan besar kita Nabi Muhammad S.A.W. Penghulu segala Rasul, pembawa rahmat sekalian alam.

Hadirin dan hadirat sekalian

### **Majlis Khatam Al-Quran**

2. Majlis Khatam Al-Quran merupakan majlis tahunan UniMAP yang diadakan pada penghujung Ramadan. Majlis ini juga merupakan majlis terakhir bagi program Ihya' Ramadan dan memberi makna bahawa Ramadan Al Mubarak semakin meninggalkan kita. Beberapa hari sahaja lagi, semua umat Islam di seluruh dunia akan menyambut kedatangan Syawal dan menyambut Hari Raya Aidilfitri.
  
3. Kedatangan Aidilfitri bermaksud kita telahpun kembali kepada fitrah asal. Penyucian jiwa serta tarbiyah Ramadan yang dilalui sepanjang 29 hari pada tahun ini harus di manfaatkan untuk pedoman serta kekuatan rohaniah untuk kita berdepan dengan bulan-bulan yang akan datang.
  
4. Begitulah ajaibnya bulan Ramadan yang tiada pada bulan-bulan yang lain. Semua perkara mampu untuk dilaksanakan di bulan penuh barakah ini. Bermula dari menahan laparnya, menjaga pandangan, telinga malah turut menjaga panca indera yang lain. Semua ini bertujuan mendidik jiwa supaya bertaqwa kepada Allah.

Hadirin dan hadirat sekalian

5. Saya yakin kebanyakan Ptj telah pun melunaskan tanggungjawab masing-masing untuk bertadarus sebagaimana yang telah ditetapkan jadual oleh Pusat Islam. Maka hari ini secara rasminya kita semua telahpun berjaya menamatkan pembacaan 30 juzuk Al- Quran.
  
6. Namun, jangan jadikan penutup majlis tadarus pada hari ini sebagai penamatnya bacaan Al-Quran pada tahun ini. Teruskanlah bacaan kitab suci ini dan jadikanlah ianya sebagai amalan kita setiap hari.

**Masa Yang Diwajibkan kamu berpuasa itu ialah bulan Ramadan Yang padanya diturunkan Al-Quran, menjadi petunjuk bagi sekalian manusia, dan menjadi keterangan-keterangan Yang menjelaskan petunjuk dan (menjelaskan) perbezaan antara Yang benar Dengan Yang salah. Surah al Baqarah -185**

Hadirin hadirat yang dirahmati Allah

7. Seperti yang saya katakan sebentar tadi, kita telah memasuki fasa terakhir Ramadan atau lebih dikenali sebagai 10 malam terakhir. Ia merupakan peluang bagi kita untuk bersungguh-mengejar mengejar ganjaran hebat yang dikurniakan oleh Allah S.W.T kepada umat Muhammad S.A.W. Justeru, di kesempatan ini saya ingin mengambil peluang untuk mengajak semua warga UniMAP bagi memperhebatkan amal ibadah pada 10 malam terakhir ini. Jika kita mampu untuk berjaga malam kerana menunggu siaran tertentu kenapa tidak kita berjaga malam untuk menanti Lailatul Qadar yang sudah pasti ganjarannya bersamaan 1000 bulan.
  
8. Saya difahamkan Pusat Islam telah mengatur jadual untuk beriktikaf di masjid-masjid negeri Perlis. Antara masjid yang terpilih adalah Masjid Negeri, Arau, Masjid Al Hussien(Masjid Terapung) serta Masjid Putra, Kangar. Penuhilah majlis iktikaf tersebut agar kita memperolehi ganjaran Lailatul Qadar. Jangan sia-siakan nikmat yang dikurniakan Allah sepanjang Ramadan agar kita mendapat hidayah serta taqwa Allah.

Tuan tuan dan puan-puan yang dirahmati Allah

### **Program Ihya' Ramadan**

9. Kesempatan ini saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih kepada Pusat Islam kerana dapat menyelaras 13 program sepanjang Ramadan pada tahun ini. Tidak dilupakan juga jabatan-jabatan yang terlibat secara khusus dalam menjayakan program yang diatitkan. Bermula dengan Seminar Mukmin Profesional & Majlis Perasmian Ihya' Ramadan 1434 H pada 4 Julai 2013 yang lalu sehingga hari ini Majlis Khatam Al Quran merupakan program penutup sempena Ramadan pada kali ini. Jutaan terima kasih juga kepada individu-individu warga UniMAP yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan atau menyertai program Ihya' Ramadan yang dianjurkan.
  
10. Tidak ketinggalan juga kepada para penaja yang menaja penyediaan bubur lambuk dan aktiviti sepanjang Ramadan ribuan terima kasih saya ucapkan semoga Allah membalas sedekah jariah yang diberikan, In Sha Allah. Saya berharap dengan semangat infak serta jariah ini dapat diteruskan pada program-program yang akan datang.

## **Penutup**

11. Rasanya cukup setakat ini ucapan saya pada petang ini, di kesempatan ini dengan kerendahan hati, saya bagi pihak diri, isteri, anak-anak dan seisi keluarga mengambil kesempatan menyusun sepuluh jari memohon maaf zahir dan batin atas apa jua kesalahan mahupun kekhilafan yang telah dilakukan.

Saya akhiri dengan Wabillahi Taufik Walhidayah,  
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.